

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

1. Untuk menggambarkan perkembangan bahasa Melayu moden daripada bahasa Melayu Purba, skema lurus atau skema bercabang boleh digunakan. Anda dikehendaki:

[a] Buat rajah dan huraikan secara terperinci kedua-dua skema yang dimaksudkan.

[15 markah]

[b] Mempertahankan atau menolak salah satu skema dengan alasan-alasan kebahasaan yang munasabah.

[10 markah]

2. Menurut Gorys Keraf untuk menentukan teori tanah asal penutur bahasa Austronesia, umumnya dan penutur bahasa Melayu khususnya, kita boleh" ... memadukan pertimbangan-pertimbangan mengenai situasi geografis masa lampau, sejarah pertumbuhan umat manusia, serta prinsip-prinsip teori migrasi dan teknik leksikostatistik".

Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan ketiga-tiga pertimbangan yang dikemukakan oleh Keraf. Menurut pandangan anda adakah pertimbangan ini cukup kuat untuk menyokong teori tanah asal orang Melayu dari Nusantara? Adakah pertimbangan ini juga boleh dikaitkan dengan dakwaan orang Melayu moden Malaysia yang menyatakan asal usul mereka dari Sumatera?

[25 markah]

.../2

3. Soalan ini berkait secara langsung dengan batu-batu bersurat abad ketujuh dan abad ketiga belas yang merakamkan bahasa Melayu kuno.

[a] Transliterasi tulisan pada batu-batu bersurat ini daripada bentuk asal ke tulisan rumi mempunyai beberapa kelemahan. Mengapa?

[6 markah]

[b] Apakah takrif bahasa Melayu kuno yang digunakan dari abad ketujuh hingga abad keempat belas?

[4 markah]

[c] Huraikan ciri-ciri bahasa Melayu kuno.

[9 markah]

[d] Jelaskan perbezaan (sama ada dari segi tulisan, kandungan dan sebagainya) batu-batu bersurat yang ditemui pada abad ketujuh dengan batu-batu bersurat abad ketiga belas untuk memperlihatkan perkembangan bahasa Melayu kuno.

[6 markah]

4. Menurut Harun Aminurrashid (1966: 115) orang Barat memainkan peranan yang besar dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Mereka juga mengkaji, mengupas, memperinci dan membentangkan susur galur dan perkembangan serta pengaruh bahasa Melayu.

Pernyataan ini nampaknya bercanggah dengan hasrat awal orang Barat sewaktu datang ke Nusantara. Bincangkan.

[25 markah]

5. Jabatan Penyiaran Malaysia pada tahun 1973 telah memberikan garis panduan berkaitan sebutan standard bahasa Malaysia. Antara ketetapan pihak ini ialah (di dalam Asmah Haji Omar, 1992: 114):

* - bunyi sebutan perkataan bahasa Melayu yang hujungnya bervokal ' a ' hendaklah dibunyikan ' e ' bukan ' a ' mengikut kaedah loghat Johor-Riau.

* - Huruf ' r ' pada tiap-tiap hujung perkataan hendaklah dibunyikan ' r ' nya agak halus, hampir kehilangan tetapi tidak bergulung (bergetar).

.../3

Berdasarkan ketetapan ini:

[a] Apakah implikasinya kepada perkembangan bahasa Melayu sehingga ini?

[12.5 markah]

[b] Adakah perkembangan sebegini menepati sifat tabii bahasa dan wajarkah diadakan satu ketetapan lain (jika ada bagaimanakah bentuknya) supaya perkembangan bahasa Malaysia yang selanjutnya dapat dikawal?

[12.5 markah]

6. Perkembangan bahasa Malaysia moden biasanya dikaitkan dengan perancangan bahasa. Apakah strategi-strategi tertentu perancangan bahasa yang digubal untuk mencapai objektif menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia?

[25 markah]

-ooo000ooo-